

### Amalan Berhutang Pada Pandangan Islam

Tidak digalakkkan berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan

### Konsep Pinjaman Dalam Islam

Al-Ariyah	Al-Qard
Pemberian sesuatu bagi tujuan penggunaan manfaat secara percuma.	Pinjaman pemindahan pemilik barang atau komoditi yang di ganti mengikut bilangan, sukatan, atau timbang
Peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan kecuali kecuaian peminjam sendiri.	<i>Salaf</i> Pinjaman yang dibayar balik tanpa syarat keuntungan.

### Larangan Riba" (Surah Al-Baqarah :275)

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الْرِّبَوْلَا يَعْمُولُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَطَّهُ أَسْنَى طَنْ مِنْ أَمْسَى حَذَّلَكَ يَأْتِنَ هُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الْرِّبَوْلَا وَاحْلَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الْرِّبَوْلَا فَقَمَنَ حَاعَةٌ مَوْعِدَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّهَى فَلَمْ مَا سَلَفَ وَأَمْرَأَهُ إِلَيَّ اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ الْنَّارِ مَلِهُمْ فِيهَا خَلْدُونَ

Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharlamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhan mereka, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.

### Fatwa Pengharaman Riba'

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-32, Pada 10-11JUN 1993 telah membuat keputusan bahawa "Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haran digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

### Hukum Al-Qard Al- Hasan

Prinsip pertama akad Qard iaitu *ta'awun* = saling bantu-membantu di kalangan sesama insan dan bertujuan untuk merengangkan beban golongan yang dalam kesusahan dan memerlukan

*Sunat* memberi hutang kepada seseorang yang perlu.

*Harus* bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan mebebaskan diri daripada kesempitan hidup.

### Prinsip \*Al-Qard Al-Hasan

#### Maksud Pinjaman yang baik

Ia merupakan keperihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya.

### Rukun Al-Qard

**Pemutang** a) Seorang ahli *tabarru* - boleh menguruskan harta, berurusniaga dan memiliki harta tersebut.  
b) Tiada unsur paksaan .

**Pengutang/P-**  
**eminjam** a) Seorang yang \*mahjur 'alaih kerana safih, orang gila atau kanak-kanak.

b) Tiada unsur paksaan .  
c) Berkemampuan membayar balik pinjaman yang dibuat.

**Barang yang dipinjam** *Fuqaha'sah* berhutang barang yang mithliy (yang mempunyai unit yang serupa di pasar).

**Sighah** Lafaz *ijab* dan *qabul* yang membawa maksud pemberian pinjaman atau hutang.

### Objektif Pelaksanaan al-Qard al-Hasan

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat.
3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu dikalangan umat islam.



### Prinsip Umum Ketika Berhutang

- 1) Hutang yang di buat hendaklah bertulis memastikan pihak yang berkontak menyedari komitmen untuk membayar kembali hutang tersebut
- 2) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat bayaran balik.
- 3) Kepentingan menyelesaikan hutang turut disyaratkan dalam pewarisan sebelum harta pusaka dibahagi secara faraid.
- 4) Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan.

### Bantuan kepada asnaf al-gharimin

**Asnaf Al-Ghairimin** = seseorang yang terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asasi

*Contoh* berhutang utk mendapat sesuap nasi demi menyara anak-anak dan keluarga, mangsa ditimpa musibah dan lain-lain.

**Fungsi Institusi Zakat** signifikasi bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat.

Golongan yang berkemampuan perlu mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

### Gejala Ceti Hara,

**Ceti haram (Ah Long)** - Bertentangan dengan ajaran islam kerana perkhidmatan pinjaman wang yang ditawarkan berunsur riba'

- Sering berkait dengan aktiviti keganasan, melakukan kekerasan.
- Pencegahan : Kerajaan mengambil tindakan mengawal dan memantau menerusi usahasama dengan pelbagai agensi.



By MaiPut3  
[cheatography.com/maiput3/](http://cheatography.com/maiput3/)

Published 20th June, 2020.  
Last updated 20th June, 2020.  
Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**  
Measure your website readability!  
<https://readable.com>